

27 FEB 1998

DR MAHATHIR LANCAR PUSAT PROTOTAIP PANTAS PROTON

SHAH ALAM, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Pusat Prototaip Pantas Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) di kilang pengeluaran kereta nasional itu di sini.

Teknologi prototaip pantas itu akan membantu pasukan penyelidikan dan pembangunan Proton untuk menilai reka bentuk baru automotif dengan lebih pantas, yang akan mempertingkatkan daya saing syarikat dalam penghasilan model baru, Proton berkata di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Proses prototaip pantas itu membolehkan penukaran data reka bentuk bantuan komputer (CAD) tiga dimensi kepada prototaip pengeluaran mesin yang tepat dalam kurang daripada sepertiga masa kaedah tradisional.

Tanpa teknologi prototaip pantas, data lukisan dua dimensi terpaksa digunakan untuk membuat prototaip secara manual. Prototaip Proton sebelum ini dibuat kebanyakannya di Jepun.

Hadir pada upacara tertutup yang diadakan sempena lawatan persendirian Dr Mahathir ke kilang itu ialah pengerusi Proton Datuk Mohd Saleh Sulong dan ketua pegawai eksekutif Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Proton berkata ia pertama kali memutuskan untuk memiliki teknologi prototaip pantas itu pada pertengahan 1997 bagi membolehkannya mereka bentuk dan membina keretanya sendiri.

Katanya teknologi tinggi seperti prototaip pantas boleh menjadikan Malaysia satu pangkalan teknikal bagi penyelidikan pengeluaran bagi seluruh rantau ini.

Tengku Mahaleel menyatakan bahawa dengan keupayaan 35 juta cm alat-alat prototaip pantas setahun, pusat Proton itu akan merupakan yang terbesar di Asia dan Australia, tidak termasuk Jepun.

Proton berkata perkhidmatan prototaip itu tidak hanya terhad kepada industri automotif sahaja tetapi juga akan memberi perkhidmatan kepada industri-industri lain bagi pengeluaran prototaip, peracuan dan perkakas yang diperlukan bagi pengeluaran jangka pendek.

Dr Mahathir kemudian melancarkan tapak web Proton yang membekalkan profil korporat syarikat, membawa pelawat melawat kilangnya dan juga dalam Proton Putra 1.8EXi.

Tapak web itu juga membolehkan permohonan kerja berkomputer, mengandungi siaran akhbar masa lalu dan memmberikan maklumat mengenai pelbagai jenis model Proton.

Proton berkata di dalam kenyataan berasingan bahawa pelancaran tapak web di bawah alamat [www.protoncar.com](http://www.protoncar.com) adalah sejajar dengan iltizam negara kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan juga menandakan kesediaan Proton memasuki era teknologi maklumat abad ke-21.

Katanya pengujudan tapak web itu adalah sejajar dengan langkah Proton sekarang ke arah rangkain bekalan global begitu tersusun dengan mengetatkan rantaianya dengan para pembekal dan pelanggan.

Terdahulu, Dr Mahathir menyaksikan upacara penyampaian sijil ISO 9002, di mana Tengku Mahaleel telah menerima sijil-sijil daripada ketua pegawai eksekutif SIRIM Dr Ariffin Aton.

Proton diberikan Sijil Sistem Pengurusan Berkualiti ISO 9002 daripada Agensi Persijilan Kenderaan (VCA) dari United Kingdom dan SIRIM, berkuat kuasa 12 Jan tahun ini.

Proton berkata ia pertama kali melancarkan program kualiti ISO 9002 enam bulan lalu, dengan matlamat menjadi lebih kompetitif di pasaran

global.

Katanya sijil SIRIM itu adalah untuk memperkukuhkan keyakinan pelanggan dalam negeri manakala sijil daripada VCA adalah dorongan kepada rancangan pengembangan eksportnya untuk mengembangkan asas pasaran sekarang dan mencari pasaran-pasaran eksport baru pada 1998.

Di upacara itu, Dr Mahathir menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada pasukan pelaksanaan ISO 9002 Proton, yang diketuai oleh Yasim Mohamed daripada Jabatan Sistem dan Audit Proses di Bahagian Mutu. -- BERNAMA

MFJ OS